



Konsep (*Ta'dib*) dalam Pendidikan Islam berdasarkan pemikiran al-Ghazali dan al-Attas

(The concept of (*Ta'dib*) in Islamic Education based on al-Ghazali and al-Attas' thought)

Haslinawati Mohd Yusop^{1*}✉, Asmaa' Mohd Arshad¹✉

¹*Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia*

ARTICLE INFO

Article history:

Received 5 February 2026

Revised 1 April 2026

Accepted 19 April 2026

Published 21 April 2026

Keywords:

Al-Ghazali

Al-Attas

Akhlak

Education

Ta'dib

Katakunci:

Al-Ghazali

Al-Attas

Akhlak

Ta'dib

Pendidikan

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.8>

ABSTRACT

Muslim scholars have described education using different terminologies. Al-Ghazali and al-Attas frequently emphasize the concept of *ta'dib* in their interpretation of Islam education. They both argue that the fundamental aim of education is to cultivate good character through authentic knowledge. The concept of *adab* integrates both knowledge (*'ilm*) and action (*'amal*), and the process of embedding *adab* is known as *ta'dib*. A steady and continuous educational process leads to the development of a virtuous individual with strong moral character, fully aware of their responsibilities towards their Creator, Allah, and His Messenger, striving for success in both this world as well as the hereafter. Such individuals sincerely uphold these responsibilities while complying with to the principles and laws of their religion (*al-Din*). Thus, educators must take the *ta'dib* concept solemnly, as it plays a crucial role in shaping noble character. According to true knowledge. Besides, this article employs a content analysis method, examining selected works and literature focusing on al-Ghazali and al-Attas' perspectives on education. The perceptions from both scholars suggest that the *ta'dib* concept as education aligns seamlessly with the objectives of Islamic educational philosophy, which seeks to cultivate virtuous individuals who embody the qualities of *al-Insan al-Kamil*, as exemplified by Prophet Muhammad PBUH.

ABSTRAK

Para sarjana Islam telah mendefinisikan pendidikan menggunakan pelbagai istilah. Sebagai contoh, al-Ghazali dan al-Attas secara mendalam membincangkan konsep pendidikan dalam Islam melalui penggunaan istilah *ta'dib*. Mereka menekankan bahawa tujuan utama pendidikan Islam terletak pada membentuk akhlak serta budi pekerti yang mulia berasaskan ilmu yang benar. Dalam konsep *adab*, kedua-dua elemen ilmu dan amal saling berkaitan, manakala proses menanamkan *adab* dikenali sebagai *ta'dib*. Hasilnya, pendidikan ini melahirkan individu beradab, iaitu mereka yang insaf dan sedar akan tanggungjawab terhadap Pencipta, Allah dan Rasul-Nya, serta berusaha mengecapi kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Individu ini juga melaksanakan tanggungjawab mereka dengan penuh keikhlasan, mematuhi nilai akhlak serta syariat Islam. Maka, pemahaman tentang konsep *ta'dib* perlu diberikan pengamatan teliti oleh para pendidik bagi mencorakkan akhlak yang luhur berlandaskan ilmu yang sahih. Artikel ini menggunakan pendekatan

^{1*} Corresponding author. E-mail address: haslinawati6461@gmail.com

kualitatif dengan kaedah analisis kandungan terhadap karya al-Ghazali dan al-Attas. Dapatan daripada pemikiran kedua-dua tokoh ini menunjukkan bahawa konsep dan pendekatan *ta'dib* selaras dengan matlamat falsafah pendidikan Islam yang bertujuan melahirkan insan beradab dan berakhlak tinggi, mencontohi sifat *al-Insan al-Kamil*, iaitu Nabi Muhammad SAW.

PENGENALAN

Matlamat utama pendidikan kebangsaan adalah untuk membentuk generasi berakhlak mulia yang telah digariskan dengan nyata dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) serta Falsafah Pendidikan Guru (FPG). Kedua-dua falsafah ini menjadi asas utama dalam merealisasikan matlamat pendidikan negara sebagaimana dijelaskan dalam FPK. Pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha konsisten bagi mengembangkan potensi individu secara holistik dan seimbang, merangkumi aspek emosi, intelek, rohani, serta jasmani berasaskan kepercayaan serta kepatuhan kepada Tuhan. Matlamat utama pendidikan ini bertujuan untuk menghasilkan warganegara yang berilmu, berkemahiran, berakhlak mulia, serta bertanggungjawab.

Selain itu, pendidikan juga berperanan dalam membentuk individu yang boleh mencapai kesejahteraan diri serta menyumbang kepada keharmonian keluarga, masyarakat, serta negara. Matlamat pendidikan dalam membentuk pelajar yang berakhlak mulia turut diperincikan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017). Matlamat KSSM Pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan individu yang berperanan sebagai khalifah serta hamba Allah SWT yang berilmu, beriman, bertakwa, beramal soleh, berakhlak mulia, dan berkebolehan. Pendidikan ini berasaskan al-Sunnah dan al-Quran serta bertujuan menyalurkan kepada kemajuan tamadun negara dan bangsa, kesejahteraan alam, serta kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Justeru, pendidik memainkan peranan penting dalam membimbing generasi ke arah kejayaan, terutamanya dalam aspek akhlak dan adab. Justeru itu, konsep ini perlu difahami serta diterapkan secara baik, terutamanya guru Pendidikan Islam, bagi memastikan pelajar berkembang sebagai individu yang berakhlak mulia. Selain itu, guru Pendidikan Islam harus menjadi teladan kepada pelajar, kerana mereka berperanan besar dalam membentuk akhlak dan sahsiah pelajar (Dalip, 1985). Bagi Membentuk individu Muslim yang harmoni dari segi rohani, intelek, jasmani, dan emosi, pendekatan *ta'dib* hendaklah diaplikasikan dalam diri individu. Hal ini demikian kerana *ta'dib* ialah suatu pendekatan pendidikan yang mengintegrasikan ilmu dan amal dalam membentuk insan berakhlak mulia yang sentiasa patuh kepada perintah Allah SWT untuk meraih kebahagiaan di dunia serta akhirat (Othman, 2015a).

Oleh itu, pendekatan *ta'dib* berfungsi sebagai kaedah utama dalam pendidikan moral dan etika yang wajib dimiliki oleh setiap pendidik. Selain itu, *ta'dib* merupakan konsep pendidikan Islam yang diperkenalkan oleh sarjana Muslim dengan tujuan melahirkan individu yang beradab, selari dengan matlamat utama pendidikan Islam, iaitu membentuk insan yang baik dan seimbang serta memiliki sifat keadilan. Individu yang beradab ini secara tidak langsung akan menjadi warganegara yang bertanggungjawab, kerana menjalankan kewajipan sebagai warganegara sebagai salah satu tuntutan fardu kifayah, sekaligus melaksanakan amanah sebagai khalifah Allah di bumi. Secara asasnya, insan yang dilahirkan melalui konsep *ta'dib* memahami dengan jelas kepentingan melaksanakan tanggungjawab fardu ain dan fardu kifayah terhadap Tuhan, agama, Masyarakat, serta keluarga.

Justeru, artikel ini bermatlamat untuk membincangkan Konsep dan tujuan pendidikan (*ta'dib*) berpaksikan idea dua sarjana utama dalam pendidikan Islam, iaitu Imam Abu Hamid al-Ghazali (1056-1111), seorang ilmuwan abad ke-12 yang menjadi rujukan utama bagi pemikir kontemporari, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1931-2026).

KONSEP ASAS PENDIDIKAN ISLAM

Imam al-Ghazali, dalam menghuraikan konsep pendidikan, menegaskan bahawa matlamat utama pendidikan adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah, bukan untuk mengejar pangkat atau kebanggaan diri (Al-Abrasyhi, 1970). Pandangan ini dengan jelas menegaskan bahawa tujuan utama pendidikan adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan penuh keikhlasan dalam menimba ilmu, demi kesejahteraan dunia dan kebahagiaan akhirat. Berdasarkan pandangan al-Attas (2019), matlamat utama pendidikan Islam ialah membimbing manusia ke arah kebaikan dan kebahagiaan hakiki. Ini bermaksud pendidikan Islam berfokus kepada mendidik individu agar mengabdikan diri kepada Allah dengan keikhlasan, serta mengarahkan dan menjalani kehidupannya berdasarkan syariat dan akhlak yang mulia. Hasilnya, manusia akan menyedari dan memahami tujuan sebenar kehidupannya. Firman Allah dalam Surah al-Dzariyat, 51, ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepadaku.”

Ayat ini menjelaskan bahawa konsep ibadah mencakupi setiap aspek kehidupan seorang Muslim, meliputi perbuatan, pemikiran, dan perasaan, yang keseluruhannya berlandaskan usaha memperoleh keredhaan Allah. Pandangan ini sejajar dengan pemikiran kebanyakan ilmuwan Muslim, antaranya Ibn Khaldun, yang berpendapat bahawa pendidikan berperanan dalam mencapai dua objektif utama (Mohd. Salleh, 1997):

- (i) Tujuan keagamaan bermaksud beramal demi akhirat, dengan memastikan setiap individu memenuhi hak-hak yang telah diwajibkan oleh Allah sebelum menemui-Nya.
- (ii) Tujuan keduniaan merujuk kepada keperluan manusia untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan bagi memberi manfaat dalam kehidupan. Ilmu bukan sahaja berguna untuk kejayaan di dunia tetapi juga sebagai bekalan menuju akhirat. Matlamat utama pendidikan adalah mendekatkan diri kepada Allah demi mencapai kebahagiaan yang abadi di dunia dan akhirat. Pendidikan berperanan sebagai persiapan hidup, mendidik, melatih, dan membentuk keperibadian seseorang dari segi jasmani, akal, dan emosi agar mencapai kebahagiaan sejati.

Al-Quran menekankan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah contoh utama insan yang beradab, dikenali sebagai model manusia sempurna atau *al-insan al-kully*. Dalam karyanya *The Concept of Education in Islam*, Al-Attas mengusulkan agar konsep pendidikan Islam ditakrifkan semula sebagai suatu proses penanaman adab serta mencadangkan penggantian istilah pendidikan dalam Islam dengan *ta'dib*. Cadangan ini telah dikemukakan oleh Al-Attas dalam Konferensi Dunia Kedua mengenai Pendidikan Islam yang berlangsung di Islamabad pada tahun 1980 (Al-Attas, 2019). Beliau menegaskan bahawa konsep *ta'dib*, apabila difahami dan dihuraikan secara mendalam, lebih relevan bagi pendidikan Islam berbanding penggunaan istilah *tarbiyah* atau *ta'lim* yang popular pada waktu itu. Beliau berpendapat bahawa konsep *ta'dib* sudah mengandungi elemen ilmu (*'ilm*), pengajaran (*ta'lim*), dan pengasuhan (*tarbiyah*), menjadikannya satu konsep yang lebih menyeluruh tanpa perlu digabungkan dengan konsep *tarbiyah-ta'lim-ta'dib* (Al-Attas, 2019). Al-Attas lebih cenderung kepada penggunaan istilah *ta'dib* kerana apabila diaplikasikan secara komprehensif, bersepadu, dan sistematik dalam sistem pendidikan Islam, ia mampu menangani pelbagai isu berkaitan pembangunan sumber daya manusia Muslim. Konsep pendidikan Islam yang hanya menumpukan pada makna *tarbiyah* dan *ta'lim* telah dipengaruhi oleh pandangan hidup Barat yang berteraskan dualisme, sekularisme, dan humanisme. Akibatnya, nilai-nilai adab semakin terhakis dan semakin jauh daripada *hikmah ilahiyah* yang sepatutnya menjadi teras pendidikan Islam.

KONSEP *TA'DIB* SEBAGAI TERAS PENDIDIKAN ISLAM

Menurut Ibnu Manzur (1999) dan al-Fairuz Abadi (1997), istilah *ta'dib* berasal daripada kata *addaba*, yang dalam timbangan *taf'il* atau *fa'ala* dalam bahasa Arab digunakan untuk menunjukkan kaitan antara suatu perbuatan dengan makna asalnya. Dari sudut linguistik, *ta'dib* bermaksud mendidik seseorang agar beradab atau melatihnya supaya memiliki keperibadian yang beradab. Menurut Yunus (1990), *ta'dib* merujuk kepada proses pendidikan yang memberi penekanan kepada pembentukan serta penyempurnaan akhlak dalam membina peribadi Muslim yang berakhlak mulia. Kamus al-Mawrid al-Muyassar (Baalbaki, 1997) mentafsirkan *ta'dib* sebagai *tahdhib* dan *mua'qabah*, yang membawa maksud pendidikan, penyempurnaan, pemurnian, pemupukan, kebudayaan, serta disiplin dan pendisiplinan. Dari segi tatabahasa, *ta'dib* merupakan bentuk *masdar* daripada kata kerja *addaba-yuaddibu-ta'diban*, manakala secara istilah, ia merujuk kepada proses pendidikan yang memberi penekanan kepada penyempurnaan adab dan akhlak seseorang.

Guru atau pendidik berfungsi sebagai *muaddib* (Al-Attas, 1980). Al-Attas dan Ashraf (1979) lebih memberi penekanan kepada peranan guru sebagai *muaddib* berbanding *murabbi* dan *mu'allim*. Beliau mengaplikasikan istilah *ta'dib* untuk menerangkan makna sebenar pendidikan. Menurutnya, pendidikan Islam lebih sesuai berasaskan konsep *ta'dib*. Sebelum itu, al-Ghazali menjelaskan dalam penghuraian konsep *ta'dib* bahawa ia meliputi:

- (i) Proses membentuk disiplin dalam aspek spiritual dan fizikal seseorang manusia.
- (ii) Pemahaman dan penguasaan ilmu pengetahuan.
- (iii) Transformasi sahsiah ke arah pembentukan akhlak yang mulia.

Dalip (1985, 1992) menekankan bahawa pendidik perlu menyedari dan menginsafi bahawa mereka memainkan peranan sebagai qudwah hasanah, iaitu teladan yang baik kepada pelajar. Oleh itu, guru dan warga pendidik hendaklah:

- (i) Menanamkan dalam diri serta pelajarnya perasaan cinta kepada Allah.
- (ii) Menanamkan keyakinan yang tulus dalam jiwa pelajar.
- (iii) Memberi pendedahan dan pemahaman kepada pelajar tentang jenis-jenis ibadah yang wajib dilaksanakan.
- (iv) Menyemarakkan semangat pelajar serta memupuk minat mereka dalam mengamalkan ajaran Islam sehingga menjadi sebahagian daripada rutin harian mereka.

Menurut al-Attas, konsep *ta'dib* dalam pendidikan Islam merujuk kepada proses membentuk dan menanamkan adab. Adab yang dimaksudkan ialah ilmu mengenai tujuan sebenar dalam mencari pengetahuan. Al-Attas mendefinisikan ilmu sebagai pemahaman terhadap makna sesuatu yang meresap ke dalam jiwa penuntut ilmu. Secara ringkas, penerapan ilmu pengetahuan dan teknologi harus berasaskan nilai-nilai akhlak serta prinsip agama. Konsep *ta'dib* dalam pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk individu yang berakhlak mulia, beriman, dan bertakwa, di mana nilai-nilai ini tercermin dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, konsep ini bertujuan membimbing manusia ke arah kehidupan yang harmoni, bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan (*library research*). Kaedah pengumpulan data dan analisis dokumen digunakan bagi menganalisa sumber-sumber primer seperti karya Imam al-Ghazali (misalnya *Ihya' Ulum al-Din* dan *Ayyuha al-Walad*) dan Syed Syed Muhammad Naquib al-Attas (*Islam and Secularism* dan *The Concept of Education in Islam*), di samping sumber-sumber sekunder termasuk artikel jurnal, tesis, buku dan prosiding yang berkaitan dengan *ta'dib* dan pendidikan Islam. Seterusnya data-data akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) untuk mengenal pasti konsep, idea dan prinsip *ta'dib* dalam

karya kedua-dua tokoh: al-Ghazali dan al-Attas. Begitu juga kaedah analisis tematik (*thematic analysis*) dengan mengelompokkan data kepada tema-tema utama seperti adab, ilmu, akhlak, guru, pelajar dan matlamat pendidikan. Seterusnya dapatan daripada analisis tema ini akan dikaji secara perbandingan (*comparative analysis*) untuk menghuraikan pemikiran Abu Hamid al-Ghazali dan Syed Muhammad Naquib al-Attas tentang *ta'dib* dalam konteks pendidikan Islam. Apakah signifikan konsep *ta'dib* dalam mendepani cabaran pendidikan Islam semasa juga akan turut dibincangkan dalam artikel ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

KONSEP *TA'DIB* MENURUT AL-GHAZALI DAN AL-ATTAS

(i) Hubungkait di antara Adab dan Ta'dib

Pandangan al-Attas selari dengan pemikiran al-Ghazali mengenai konsep adab. Al-Ghazali (1998) menjelaskan bahawa *ta'dib* berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud pengembangan potensi dalaman yang tersembunyi dan secara fitrahnya condong kepada kebenaran, yang kemudiannya diterjemahkan melalui tindakan serta tingkah laku. Beliau juga mentafsirkan adab sebagai pendidikan yang merangkumi aspek jasmani dan rohani (*ta'dib al-zahir wal-batin*), yang terdiri daripada empat elemen utama, iaitu perkataan, perbuatan, akidah, dan niat seseorang.

(ii) Makna Pendidikan dan Peranan Guru

Menurut al-Ghazali (1976), dalam menjelaskan konsep *ta'dib*, guru berperanan dalam membentuk disiplin dari sudut spiritual dan fizikal, menguasai ilmu pengetahuan, serta membimbing perubahan sahsiah bagi mencapai akhlak yang terpuji. Al-Ghazali mengumpamakan pendidikan seperti mengusahakan ladang, di mana duri perlu dibersihkan dan rumput liar dicabut agar tanaman dapat tumbuh dengan subur. Begitu juga dengan manusia yang dilahirkan dalam keadaan suci dan bersih; mereka memerlukan bimbingan pendidikan supaya dapat berkembang dan memainkan peranan dalam kehidupan. Pendidikan bukan hanya berkaitan dengan perkembangan fizikal, tetapi juga merangkumi pembentukan akhlak, jiwa, serta kesopanan yang tinggi agar seiring dengan kedudukan manusia sebagai khalifah di bumi Allah SWT (Othman, 2015). Oleh itu, al-Ghazali menegaskan kepentingan adab bagi pendidik (guru) dan pelajar. Beliau memberi perhatian khusus terhadap peranan guru, yang pada zamannya dikenali sebagai muaddib al-sibyan. Pada asalnya, gelaran muaddib merujuk kepada pendidik yang bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak raja, amir, dan wazir. Namun, al-Ghazali memberi penekanan yang lebih besar terhadap pendidikan akhlak. Menurut beliau, untuk mencapai akhlak yang baik, terdapat empat syarat utama yang perlu dipenuhi, iaitu memiliki ilmu, mengawal amarah, mengawal syahwat, dan menegakkan keadilan (Basri, 2008). Dalam hal ini, elemen ilmu dianggap sebagai faktor paling penting dan menjadi prasyarat utama dalam usaha membentuk insan yang berakhlak mulia.

Menurut al-Attas (2019), pendidikan dalam Islam merupakan proses menanam dan menyemai adab dalam diri individu, yang dikenali sebagai *ta'dib*. Konsep ini menjadi asas utama dalam matlamat pendidikan Islam. Dalam konteks pendidikan, adab merangkumi hubungan manusia dengan Allah SWT, Rasul dan agamanya, dirinya sendiri, keluarga, ilmu, alam sekitar, serta bahasa. Adab yang tinggi ini membentuk sistem nilai dan akhlak Islam dalam setiap aspek kehidupan. Tokoh terbaik yang mencerminkan adab tertinggi ialah Nabi Muhammad SAW, yang diakui oleh para ilmuwan Muslim dan bukan Muslim sebagai *al-insan al-kamil* (manusia sempurna) serta *al-insan al-kulliy* (manusia universal). Al-Attas turut menekankan bahawa dalam pendidikan Islam, konsep *ta'dib* lebih tepat digunakan berbanding istilah tarbiah atau *ta'lim*. Hal ini disebabkan oleh *ta'dib* yang telah merangkumi unsur ilmu (*'ilm*), pengajaran (*ta'lim*), dan pengasuhan (*tarbiyah*), menjadikannya satu konsep yang holistik tanpa perlu memisahkan ketiga-tiga elemen tersebut. Walaupun al-Quran tidak secara langsung menggunakan kata akar adab, istilah ini sering ditemukan dalam ucapan Nabi SAW, para sahabat, serta karya ulama dan sarjana Muslim selepas mereka.

(iii) Kerangka Ilmu dan Amal dalam Pendidikan Islam

Menurut al-Attas (2019) punca utama masalah ini adalah kehilangan adab, yang berpunca daripada kekeliruan ilmu. Kekeliruan ilmu ini terjadi apabila kebenaran bercampur dengan kebatilan, menyebabkan umat Islam gagal memahami ilmu dengan jelas. Konsep *ta'dib* yang diperkenalkan oleh al-Attas merupakan falsafah pendidikan Islam yang bertujuan melahirkan individu dengan jati diri yang kukuh serta kecerdasan intelektual berlandaskan akhlak dan agama dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Pendekatan ini menggabungkan aspek ilmu dan amal, di mana seseorang yang memahami kedudukan sesuatu perkara dari perspektif yang benar menurut Tuhannya akan menerima kebenaran tersebut dengan mengamalkan ilmunya selaras dengan nilai-nilai utama Islam.

Pandangan al-Ghazali dan al-Attas menunjukkan bahawa konsep serta pendekatan *ta'dib* selari dengan matlamat falsafah pendidikan Islam, yang bertujuan melahirkan insan kamil atau individu bersifat universal. Al-Attas menegaskan bahawa *ta'dib* secara menyeluruh telah merangkumi elemen ilmu (*'ilm*), pengajaran (*ta'lim*), dan pengasuhan (*tarbiyah*). Sementara itu, Al-Ghazali menekankan bahawa *ta'dib* melibatkan disiplin spiritual dan fizikal, penguasaan ilmu, serta pembentukan sahsiah untuk mencapai akhlak yang mulia. Oleh itu, kerangka konseptual yang digariskan oleh kedua-dua tokoh ini perlu dijadikan asas dalam pendidikan Islam bagi merealisasikan pembentukan akhlak yang luhur.

NATIHAJ PENDIDIKAN MENURUT AL-GHAZALI DAN AL-ATTAS

(i) Mengenal akan Pencipta dan Keyakinan Hidup Bertuhan

Walaupun Al-Ghazali (2018) serta Al-Attas (2019) berasal dari zaman yang berbeza, pandangan mereka mengenai matlamat akhir pendidikan Islam tetap seiring. Kedua-dua pemikir ini menegaskan bahawa pendidikan bertujuan untuk beroleh ma'rifatullah, mengenali dan mendekatkan diri kepada Allah SWT serta melahirkan insan kamil, sebagaimana yang menjadi tujuan pengutusan para nabi dan rasul. Semakin tinggi ilmu seseorang, semakin tinggi pula kedudukan dan martabatnya di sisi Allah SWT. Menurut Al-Ghazali, tujuan pendidikan adalah untuk mencapai kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat, yang hanya dapat direalisasikan melalui penghayatan sifat-sifat utama seperti iffah, keberanian, kebijaksanaan, dan keadilan. Menurut Al-Attas, pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk insan yang baik (*good man*) zahir dan batin, yang meliputi dua aspek utama: iaitu sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi.

(ii) Pembentukan Adab dan Karakter (akhlaq)

Karakter (akhlaq) seseorang mencerminkan keperibadiannya. Semakin tinggi ilmu yang dimiliki, semakin baik juga perilakunya. Kejayaan dalam proses pembelajaran dapat diukur apabila ilmu yang diperoleh dan difahami oleh pelajar diterjemahkan dalam amalannya hinggalah terbentuk sifat dalaman atau akhlak yang mulia. Sehubungan itu, baik al-Ghazali mahupun al-Attas, kedua-duanya menekankan kepentingan keikhlasan dalam proses pendidikan. Mereka menganjurkan agar para pendidik dan pelajar menanamkan niat yang tulus dalam menyebarkan serta menuntut ilmu, dengan tujuan memperoleh keredaan Allah SWT tanpa mengharapkan ganjaran duniawi. Al-Attas (2019) turut menegaskan adab-adab utama dalam menuntut ilmu, khususnya tentang keikhlasan. Keikhlasan niat dalam menuntut ilmu bukan hanya penting bagi guru, tetapi juga bagi murid. Murid perlu mengamalkan adab yang baik, termasuk menghormati guru mempercayai kebijaksanaan mereka, serta bersabar terhadap sebarang kekurangan yang mungkin dimiliki oleh guru. Selain itu, murid tidak seharusnya tergesa-gesa dalam menuntut ilmu daripada sebarang guru secara sembarangan, sebaliknya perlu memilih guru yang menguasai bidang yang dipelajari tersebut bagi memastikan kualiti pendidikan yang diperoleh.

Kedua-dua tokoh ini menekankan kepentingan adab atau disiplin diri dalam proses menuntut ilmu. Al-Ghazali (2018) berpendapat bahawa pelajar harus menunjukkan rasa hormat terhadap guru mereka dan Al-Ghazali (1976) juga berpendapat bahawa menuntut ilmu bukan sekadar memperoleh pengetahuan, tetapi turut melibatkan usaha membersihkan diri daripada sifat-sifat negatif serta menanamkan sifat-sifat terpuji. Beliau mengumpamakan hati sebagai cermin yang perlu sentiasa digilap dalam proses pembelajaran. Sementara itu, al-Attas menekankan bahawa pendidikan adalah proses menyemai adab yang dilaksanakan secara berperingkat. Proses pendidikan terdiri daripada tiga elemen utama, iaitu proses pembelajaran itu sendiri, kandungan yang diajarkan, dan individu yang menerima pendidikan. Menurut al-Attas (2019), seseorang yang benar-benar berilmu ialah individu yang beradab, dan konsep *ta'dib* sudah merangkumi unsur ilmu (*'ilm*), pengajaran (*ta'lim*), serta pengasuhan (*tarbiyah*). Beliau juga menekankan bahawa seorang guru harus memiliki keikhlasan dalam mengajar, kerana niat menjadi ukuran dalam setiap amal perbuatan. Selain berperanan sebagai pendidik, guru juga berfungsi sebagai pemimpin, justeru mereka perlu menjaga akhlak serta tingkah laku dalam kehidupan seharian.

KESIMPULAN

Pendekatan *ta'dib* adalah suatu kaedah pendidikan yang memberi penekanan kepada pembentukan adab dan akhlak dalam diri setiap pendidik. Konsep ini diperkenalkan oleh para ilmuwan dengan matlamat melahirkan individu yang beradab, bukan sekadar mencapai kecemerlangan akademik. Syed Muhammad Naquib al-Attas lebih menekankan peranan guru sebagai *muaddib* berbanding *murabbi* dan *mu'allim*. Beliau memilih istilah *ta'dib* untuk mencerminkan makna sebenar pendidikan dalam Islam. Menurut beliau, istilah *ta'dib* lebih tepat dalam menggambarkan pendidikan Islam, kerana ia telah lama digunakan oleh sarjana Muslim terdahulu, termasuk Imam al-Ghazali. Konsep ini menitikberatkan proses disiplin diri yang merangkumi aspek fizikal dan spiritual seseorang bagi mencapai akhlak yang terpuji, yang mencerminkan keperibadian Rasulullah SAW. Nabi Muhammad SAW diakui sebagai contoh utama insan beradab, dikenali sebagai *al-insan al-kamil* (manusia sempurna) atau *al-insan al-kulliy* (manusia universal). Oleh itu, konsep serta pendekatan *ta'dib* perlu dihidupkan dan dihayati secara mendalam dalam sistem pendidikan masa kini. Pendidikan Islam tidak seharusnya berorientasikan peperiksaan dan kecemerlangan akademik semata-mata, kerana matlamat utamanya adalah pembentukan akhlak yang mulia. Akhlak yang terbentuk melalui pengamalan ilmu akan melahirkan individu yang melaksanakan peranan sebagai hamba Allah dan khalifah di bumi dengan penuh amanah. Insan yang beradab tidak hanya memberi manfaat kepada sesama manusia, tetapi juga kepada seluruh makhluk ciptaan Allah, berlandaskan kesedaran dirinya terhadap pengawasan Allah SWT (*muraqabah*). Semua ini berpunca daripada keikhlasan dan ihsan dalam menuntut ilmu yang hakiki, yakni ilmu-Nya yang luas bak lautan yang tiada bertepi.

PENGHARGAAN

Setulus penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah sudi berkongsi pandangan serta idea selaras dengan peruntukan undang-undang negara yang berkaitan. Ucapan terima kasih yang khusus turut ditujukan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Shah Alam atas sokongan yang diberikan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis menegaskan bahawa tiada konflik kepentingan yang wujud dalam penulisan artikel ini, sama ada dari aspek peribadi, kewangan, atau faktor lain.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis pertama, Haslinawati Mohd Yusop, berperanan sebagai penulis utama artikel ini, sementara penulis kedua, Asmaa' Mohd Arshad, bertindak sebagai penulis penghubung yang bertanggungjawab dalam penyusunan kerangka kajian serta menjalankan proses semakan terhadap artikel ini.

PENGISYTIHARAN PENGGUNAAN AI

Penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang penggunaan alat AI dalam penjaanaan kandungan artikel ini.

RUJUKAN

- Al-Abrasyhi, M. A. (1970). *al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Falasifatuha*. Dar al-Fikr al-Arabiyy.
- Al-Attas, M. N. (1980). *The concept of education in Islam*. Muslim Youth Movement of Malaysia Kuala Lumpur.
- Al-Attas, M. N., & Ashraf, S. A. (1979). *Aims and objectives of Islamic education*. Hodder and Stoughton.
- Al-Attas, S. M. N. (2019). *Islam: faham agama dan asas akhlak*. Ta'dib International.
- Al-Fairuz Abadi, M. A. D. (1997). *al-Qamus al-Muhit*. Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Al-Ghazali. (1976). *Ihya' Ulum Al Din*. Mu'assassa Al-Halabi Wa Sharaka Li'l-Nashr Wa'l-Tawzi.
- Al-Ghazali. (1998). *Rawdat al Talibin fi Majmu at Rasail al-Imam al-Ghazali*. Darul al-Fikr.
- Al-Ghazali. (2018). *Ayyuhal Walad trans*. Khazanah Banjariah.
- Baalbaki, R. (1997). *Al-Mawrid Al-Muyassar*. Dar El-Ilm LilMalayin.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Kurikulum standard sekolah menengah (KSSM)*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Basri, G. (2008). *Falsafah Pendidikan Islam huraian konsep dan aplikasi*. Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Dalip, A. R. (1985). Peranan guru agama dalam pendidikan. *Kursus Ikhtisas Guru-Guru Agama Islam Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Dalip, A. R. (1992). *Teknik pengajaran dan pembelajaran pengetahuan agama Islam di sekolah menengah*. Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Ibnu Manzur, A. a.-F.-D. (1999). *Lisan al- Arab*.
- Mohd. Salleh, A. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Fajar Bakti.
- Othman, R. (2015a). *Pendekatan ta'dib dalam menangani emosi pelajar akibat krisis keluarga*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, R. (2015b). *Pendekatan ta'dib dalam menangani emosi pelajar akibat krisis keluarga*. Universiti Kebangsaan Malaysia.



© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).